



# **INTEGRASI AL-QURAN DAN SUNNAH NABAWI DALAM MEMBENTUK KELUARGA MADANI: PANDUAN IBU BAPA KETIKA BERKOMUNIKASI DENGAN ANAK PEREMPUAN**

(Integration of The Quran and The Prophetic Sunnah in Forming a Civilized Family: A Guide For Parents in Communicating with Daughters)

**Maisarah Saidin<sup>1</sup>, Roshimah Shamsudin<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Ilmu kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

## **Abstract**

Parents have a significant responsibility to shape their children in accordance with Islamic teachings. As is known, prior to the advent of Islam, the pre-Islamic Arab society mistreated women and daughters. However, with the arrival of Islam brought by Prophet Muhammad (peace be upon him), their dignity was elevated to a higher level. Daughters symbolise the future generation because they will become mothers and contribute to the quality of the next generation. Therefore, if daughters do not receive the best education and upbringing, they may not be able to handle their responsibilities as mothers to their own children. Education grounded in positive values can shape outstanding individuals. Hence, this study aims to analyse the Quranic and Prophetic approaches to shaping a Madani family through ethical communication with daughters. This is a qualitative study that employs data collection methods, with data being analysed through inductive and deductive methods based on the content of Quranic verses and their interpretations, as well as the core Hadith texts like the Al-Kutub Al-Sittah. The study findings suggest that an approach characterised by love and attention to children, firmness with wise disciplinary measures, and consistent guidance on religious values should serve as a guide for parents in communicating with their daughters.

**Keywords:** *Quran; Prophetic Sunnah; Madani Family; Parents; Communication; Daughters.*

## *Article Progress*

Received: 18 September 2023

Revised: 15 October 2023

Accepted: 10 November 2023

\*Corresponding Author:

Maisarah Saidin.

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Email:

maisarah@usim.edu.my

## **PENDAHULUAN**

Dalam konteks kekeluargaan, komunikasi sangat penting dalam membentuk kelestarian sesebuah keluarga. Komunikasi yang baik dan berkesan mampu membentuk keluarga yang harmoni dan penuh kasih sayang. Dalam kerangka hubungan ibu bapa dan anak, komunikasi yang positif dan efektif sangat penting dalam membentuk tingkah laku dan jati diri anak-anak khususnya peringkat remaja. Kepentingan berkomunikasi secara baik sangat ditekankan dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا﴾

Maksudnya: “Dan Tuhanmu telah memerintahkan agar kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang diantara keduanya atau kedua-duanya sampai berusia lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah engkau mengatakan kepada keduanya perkataan “ah” dan jangan engkau membentak keduanya dan ucapkanlah kepada keduanya perkataan yang baik” (Surah al-Isra’: 17: 23).

Berdasarkan ayat tersebut, jelas menunjukkan bahawa mengucapkan perkataan yang baik dan mulia merupakan salah satu etika berkomunikasi. Walaupun ayat tersebut memerintahkan anak-anak untuk berkomunikasi secara baik dengan ibu bapa; Namun begitu, ibu bapa juga perlu menunjukkan etika yang sama ketika berkomunikasi dengan anak-anak. Ini kerana, ucapan yang baik dari ibu bapa memberi manfaat yang besar terhadap perkembangan emosi dan sosial anak mereka.

Tambahan pula, kata-kata yang keluar dari mulut ibu bapa ibarat sebuah doa. Justeru, Nabi SAW melarang ibu bapa untuk mengucapkan perkataan yang tidak baik sebagaimana hadis yang diriwayatkan Jabir RA, Baginda SAW bersabda:

«لَا تَدْعُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ وَلَا تَدْعُوا عَلَى أَوْلَادِكُمْ وَلَا تَدْعُوا عَلَى أَمْوَالِكُمْ لَا تُؤَافِقُوا مِنْ اللَّهِ سَاعَةً يُسْأَلُ فِيهَا عَطَاءٌ فَيَسْتَجِيبُ لَكُمْ»

Maksudnya: “Janganlah kalian mendoakan kejelekan untuk diri kalian sendiri. Janganlah kalian mendoakan kejelekan untuk anak-anak kalian, serta jangan mendoakan kejelekan untuk harta kalian. Janganlah kalian berdoa untuk seperti itu kerana boleh jadi bersesuaian dengan satu waktu dari Allah yang jika Dia diminta sesuatu pada waktu tersebut, Dia pasti mengabulkannya untuk kalian.”(Hadis Riwayat Muslim, no. 309).

Di samping itu, ibu bapa adalah cerminan kepada anak-anak. Anak-anak ibarat kain putih dan ibu bapalah yang bertanggungjawab mencorakkannya berpaksikan ajaran Islam sebagaimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda bermaksudnya:

«كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يمجِّسانِهِ»

Maksudnya: " Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua ibubapanyalah yang mencorakkannya menjadi yahudi atau nasrani atau majusi." (Hadis riwayat Bukhari, no. 1385).

Justeru, ibu bapa bertanggungjawab menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak lebih-lebih lagi dalam aspek komunikasi. Sekiranya, ibu bapa menjadikan bahasa yang kurang sopan sebagai kebiasaan dalam pertuturan seharian, maka anak-anak juga akan melakukan perkara yang sama apabila berkomunikasi sesama mereka dan orang lain. Sebaliknya, sekiranya ibu bapa menerapkan amalan bahasa yang baik dan beradab, secara tidak langsung anak-anak akan menerapkan bentuk komunikasi yang santun dan berhemah dalam kehidupan seharian mereka.

Dalam Islam, Rasulullah SAW merupakan teladan sepanjang zaman dalam pelbagai aspek terutamanya kekeluargaan. Baginda melayani anak-anak khususnya anak perempuan dengan penuh kasih sayang. Sebagaimana maklum, sebelum kedatangan Islam, kedudukan anak perempuan dan kaum wanita dalam masyarakat Arab jahiliyah berada di tahap yang rendah nilainya berbanding kaum lelaki. Ketika itu, golongan wanita dieksploitasi dan dianggap sebagai harta benda yang boleh dipindah milik. Bahkan mereka dinafikan hak untuk mewarisi harta pusaka tinggalan ibu bapa mereka. Lebih malang lagi, terdapat dalam kalangan masyarakat jahiliyyah yang membunuh bayi perempuan dengan cara menanamnya hidup-hidup bagi menjaga aib dan maruah keluarga. Sikap dan tingkahlaku buruk mereka terhadap anak perempuan dirakamkan Allah SWT dalam al-Quran:

﴿وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُمْ بِالْأُنثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ﴾

Maksudnya: “Apabila dikhabarkan kepada mereka dengan kelahiran anak perempuan, maka berubahlah wajah mereka menjadi warna hitam kerana menahan kemarahan. Lalu disembunyikan berita itu disebabkan buruknya perkara itu. Justeru, dia berkira-kira sama ada untuk terus menjaganya dengan penuh kehinaan atau menguburkannya sahaja. Alangkah buruknya apa yang dilakukan itu” (Surah al-Nahl: 16: 58).

Namun begitu, kedatangan nabi Muhammad SAW telah melenyapkan segala bentuk penindasan terhadap anak perempuan dan kaum wanita, bahkan kedudukan mereka diangkat ke martabat yang lebih mulia. Malahan Rasulullah SAW telah menjelaskan kelebihan memelihara dan berbuat baik kepada

anak perempuan dalam beberapa riwayat, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Uqbah bin 'Amir, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

«مَنْ كَانَ لَهُ ثَلَاثُ بَنَاتٍ فَصَبَرَ عَلَيْهِنَّ، وَأَطَعَهُنَّ، وَسَقَاهُنَّ، وَكَسَاهُنَّ مِنْ جَدَّتِهِ كُنَّ لَهُ حِجَابًا مِنَ النَّارِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ»

Maksudnya: “Sesiapa yang memiliki tiga anak perempuan kemudian dia bersabar dengannya, memberi makan, minum dan pakaian hasil dari usahanya, maka semuanya akan menjadi benteng dari panas neraka pada hari kiamat kelak” (Hadis riwayat Ibn Majah, no. 3669, hadisnya Sahih menurut al-Albani).

Hadis tersebut menekankan hak anak perempuan dimana ibu bapa atau penjaga bertanggungjawab memuliakan dan memelihara mereka. Selain memberikan makanan, minuman, pakaian dan kediaman yang baik, didikan yang sempurna juga merupakan hak utama anak-anak. Justeru itu, dalam mendidik mereka, ibu bapa perlu berusaha untuk berkomunikasi secara berhikmah bagi membentuk keperibadian diri anak-anak dengan nilai-nilai yang baik. Oleh yang demikian, makalah ini akan menganalisis dan memaparkan beberapa contoh bentuk komunikasi Rasulullah SAW bersama anak perempuan baginda sama ada dalam bentuk pendekatan verbal dan non-verbal.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pengumpulan data yang dilaksanakan melalui metode penyelidikan perpustakaan untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan kaedah dan aspek komunikasi ibu bapa bersama anak perempuan. Seterusnya data-data tersebut akan dianalisis melalui kaedah induktif dan diduktif dengan bersandarkan kandungan ayat al-Quran dan kitab-kitab hadis induk seperti al-Kutub al-Sittah. Metodologi penyelidikan perpustakaan yang dijalankan juga melibatkan proses pengumpulan data daripada pelbagai sumber termasuklah kitab-kitab tafsir, syarah hadis, jurnal dan prosiding. Melalui metode ini, kaedah dan panduan berkaitan aspek komunikasi ibu bapa bersama anak perempuan akan dikupas melalui pendekatan yang dibawa oleh al-Qur'an dan hadis.

## PENDEKATAN BERKOMUNIKASI DENGAN ANAK PEREMPUAN

Berikut adalah beberapa panduan umum yang dapat diambil dari al-Quran dan Sunnah Nabawi yang dapat membantu ibu bapa dalam berkomunikasi dengan anak perempuan:-

### a) Kasih Sayang dan Perhatian

Konsep kasih sayang dan memberi perhatian kepada anak-anak sangat dititikberatkan dalam al-Quran dan as-Sunnah. Ini termasuk meluangkan masa untuk berkomunikasi dengan mereka, mendengar dengan penuh perhatian, serta menunjukkan kasih sayang dan keprihatinan. Salah satu ayat dalam Al-Quran yang menekankan konsep kasih sayang ini sebagaimana yang terdapat dalam Surah Al-Ahqaf ayat 15:

﴿وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَانًا بِوَالِدَيْهِ إِحْسَانًا حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا وَحَمَلُهُ وَفِصَالُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ أَشُدَّهُ وَبَلَغَ أَرْبَعِينَ سَنَةً قَالَ رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأَصْلِحْ لِي فِي دُرِّيَّتِي إِنَِّّي أَنَا عَبْدٌ لَكَ وَإِلَيَّ مَرْجِعُ الْمُسْلِمِينَ﴾

Maksudnya: "Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan. Setelah ia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun, berdoalah ia dengan berkata: "Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatmu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapakku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu, dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadamu)."

Ayat di atas menjelaskan tentang kasih sayang yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anak terutamanya kasih sayang seorang ibu. Ayat ini menggambarkan pengorbanan dan usaha yang

dilakukan oleh seorang ibu dalam proses mengandung, melahirkan, dan menjaga anaknya. Sebagai balasan kasih sayang ini, Allah mengingatkan manusia supaya bersyukur kepadaNya, berbuat baik kepada ibu bapa, dan mendoakan kebaikan kepada zuriat.

Justeru, dapat dilihat bahawa ayat ini sangat menekankan kepentingan menghormati, menyayangi dan berterima kasih kepada ibu bapa serta menjalani kehidupan taat kepada Allah, yang juga merangkumi peranan penting menjaga dan mendidik anak-anak dengan penuh kasih sayang dan perhatian.

Hubungan ibu bapa dengan anak-anak perempuan mestilah memenuhi keperluan emosi mereka. Caranya adalah dengan mencurahkan kasih sayang dan perhatian kepada mereka. Nabi kita telah menunjukkan teladan yang terbaik buat para ibu dan ayah, bahawa anak-anak perempuan khususnya perlu dikasihi, dibelai, dipeluk dengan kasih sayang dan dihormati perasaan dan naluri mereka.

Dalam aspek interaksi bersama anak, Rasulullah menunjukkan pelbagai bentuk pendekatan dalam melayani puterinya iaitu Fatimah RA. Kerana kecintaan baginda kepada Fatimah, apabila bertemu dengannya, Rasulullah SAW seringkali menyambut puterinya itu dengan mesra serta mengucap tangannya, begitu juga perlakuan Fatimah terhadap ayahnya. Hal ini berlaku sebagaimana Riwayat Aisyah RA seperti berikut:

عن عائشة رضي الله عنها، أنها قالت: ما رأيتُ أحدًا كان أشبه ستمًا وهديًا ودلًّا - وقال الحسن: حديثًا، وكلامًا، ولم يذكر الحسن السمت، والهدي، والدل برَسُولِ اللَّهِ ﷺ من فاطمة كرم الله وجهها كانت «إِذَا دَخَلَتْ عَلَيْهِ قَامَ إِلَيْهَا فَأَخَذَ بِيَدَيْهَا، وَقَبَّلَهَا، وَأَجْلَسَهَا فِي مَجْلِسِهِ، وَكَانَ إِذَا دَخَلَ عَلَيْهَا قَامَتْ إِلَيْهِ، فَأَخَذَتْ بِيَدِهِ فَقَبَّلَتْهُ، وَأَجْلَسَتْهُ فِي مَجْلِسِهَا»

Maksudnya: Telah diceritakan oleh Ummul Mukminin Aisyah Radiallahu 'Anha, beliau berkata “Aku tidak pernah melihat seorangpun lebih mirip dengan Rasulullah dari Fatimah dalam sifat kesopannya, ketenangan, kesabaran dan dalam memberi petunjuk – Al-Hasan menyebutkan, “dalam berbicara dan bertutur kata namun Al-Hasan tidak menyebutkan ‘kesabaran dan dalam memberi petunjuk- dengan Rasulullah SAW selain daripada Fatimah RA’. Ketika Fatimah datang kepada Rasulullah, maka Rasulullah berdiri menyambutnya lalu mengambil tangan Fatimah, kemudian Rasulullah mencium tangannya dan membawanya duduk di tempat duduk baginda. Dan apabila Rasulullah datang kepada Fatimah, maka Fatimah berdiri menyambutnya lalu mengambil tangan Rasulullah, kemudian menciumnya, setelah itu ia mempersilakan baginda duduk di tempatnya” (Riwayat Abu Daud, no. 5217, hadisnya Sahih menurut al-Albani; Riwayat al-Hakim, no. 4732 dalam Al-Mustadrak, disahihkan dan disepakati oleh Az-Zahabi).

Dalam hadis tersebut, Rasulullah SAW menggunakan kaedah non-verbal iaitu mencium tangan puterinya bagi membentuk keterikatan (*attachment*) hubungan emosional antara bapa dan anak. Keterikatan ditakrifkan sebagai hubungan emosi yang erat di antara satu individu dengan individu lain. Keterikatan bermula dari awal kelahiran bayi dan sangat penting dalam pembentukan serta perkembangan psikologi dan sosioemosi anak. Menurut John Bowlby (Santrock, 2007) ikatan yang dibentuk oleh kanak-kanak di awal tahun pertama mereka dengan penjaga mempunyai kesan luar biasa yang berterusan dan mempengaruhi mereka sepanjang hayat. Jika keterikatan ini dibentuk dengan cara positif dan selamat, individu tersebut berkemungkinan akan berkembang secara positif pada zaman kanak-kanak dan dewasa. Sebaliknya, jika keterikatan tersebut didasari dari tingkah laku negatif dan tidak selamat, pembangunan sosioemosi kanak-kanak tersebut mungkin tidak mencapai tahap optimum dalam jangka masa yang panjang.

Perilaku Rasulullah SAW yang mencium tangan Fatimah menunjukkan sebagai tanda kasih sayang, hormat dan kerahmatan baginda kepada puterinya itu sekalipun dalam usianya yang sudah dewasa. Tingkah laku yang ditunjukkan secara nonverbal iaitu sentuhan lebih memberi kesan berbanding komunikasi secara verbal. Hal ini kerana, perasaan sayang tidak dapat dirasai hanya dengan ucapan namun ia perlu ditunjukkan dengan perbuatan. Perilaku ini bukan sahaja membangun hubungan emosional yang baik bahkan meningkatkan keterampilan personaliti seseorang anak.

Dengan didikan positif dari Rasulullah SAW ini maka tidak hairanlah Fatimah RA menjadi seorang wanita yang berkeperibadian hebat. Beliau menjadi anak yang taat, penyabar, baik hati, jujur dan berdikari. Kehebatan Fatimah RA ini menjadi simbol kejayaan Nabi SAW dan merupakan teladan utama dalam mendidik dan membesarkan seorang anak perempuan. Fatimah menduduki tempat yang tersendiri di dalam hati Rasulullah, yang tidak dapat ditandingi oleh wanita-wanita lain.

#### b) Bersikap Tegas dan Menghukum Secara Berhikmah

Dalam Islam, pendekatan dalam mendidik anak adalah lebih terfokus pada pendekatan positif, pendidikan moral, dan memberikan contoh yang baik berbanding mengenakan hukuman fizik. Hukuman fizik terhadap anak tidak dianjurkan dalam ajaran Islam, dan anak-anak harus dididik dengan kasih sayang dan diberi kefahaman yang jelas agar dapat memahami nilai-nilai agama dan perilaku yang benar. Walaupun hukuman fizik tidak dianjurkan dalam Islam, namun ibu bapa boleh memberi hukuman kepada anak secara berhikmah seperti menunjukkan ketegasan dengan menggunakan pendekatan ancaman sebagaimana yang dilaksanakan Nabi Yaakub kepada anak-anak baginda. Hal ini sebagaimana firman Allah:

﴿قَالَ لَنْ أَرْسِلَهُ مَعَكُمْ حَتَّى تُؤْتُونِ مَوْتًا مِّنَ اللَّهِ لَتَأْتُنِي بِهِ إِلَّا أَنْ يُحَاطَ بِكُمْ فَلَمَّا آتَاهُ مَوْتَهُمْ قَالَ اللَّهُ عَلَىٰ مَا نُفُولُ وَكَيْلٌ﴾

Maksudnya: Yaakub berkata: ‘Aku tidak sama sekali akan melepaskan dia (Bunyamin) pergi bersamasama kamu, sehingga kamu memberi kepadaku satu perjanjian yang teguh (bersumpah) dengan nama Allah, bahawa kamu akan membawanya kembali kepadaku dengan selamat, kecuali jika kamu semua dikepung dan dikalahkan oleh musuh’. Maka ketika mereka memberikan perjanjian yang teguh (bersumpah) kepadanya, dia berkata: ‘Allah jualah yang menjadi saksi dan pengawas atas apa yang kita semua katakan itu’ (Yusuf: 66).

Ayat ini merupakan asas kepada adanya jaminan apabila berlaku sesuatu perkara. Sebelum melakukan denda dan ancaman, bapa Nabi Yusuf terlebih dahulu memberi penerangan mengenai sikap buruk adik beradik Nabi Yusuf yang menyebabkan mereka tidak dipercayai iaitu kerana ketika mereka mengabaikan Yusuf A.S suatu ketika dahulu sedangkan mereka sudah berjanji untuk menjaganya (Asy-Syaukani, 1994). Tujuannya adalah agar mereka menyedari kesalahan mereka dan tidak mengulangi perilaku yang sama di masa depan.

Kaedah ini perlu dijadikan panduan dan contoh kepada ibu bapa untuk mendidik kanak-kanak menjadi manusia yang bertanggungjawab dan bertaqwa. Walaupun ancaman bukanlah sesuatu yang kita sukai, namun sedikit hukuman diperlukan pada waktu tertentu untuk memberi pengajaran kerana jika dibiarkan boleh mendatangkan bahaya kepada orang lain.

Dalam mewujudkan komunikasi yang efektif dengan anak perempuan, Nabi Muhammad SAW juga pernah menggunakan ketegasan dalam mendidik Fatimah. Rasulullah SAW bersikap tegas dengan menunjukkan reaksi atau perilaku tidak gemar dengan sesuatu perbuatan puterinya sebagaimana riwayat Tsauban:

عن ثوبان، مَوْلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ حَدَّثَهُ قَالَ: جَاءَتِ ابْنَةُ هُبَيْرَةَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَفِي يَدَيْهَا فَتْحٌ، قَالَ: «كَذَا فِي كِتَابِ أَبِي، أَيُّ حَوَاتِيمِ ضِحَامٍ، فَجَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَضْرِبُ يَدَيْهَا، فَدَخَلَتْ عَلَيَّ فَاطِمَةُ تَشْكُو إِلَيْهَا الَّذِي صَنَعَ بِهَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ، فَانْتَزَعَتْ فَاطِمَةُ سِلْسِلَةً فِي عُنُقِهَا مِنْ ذَهَبٍ» قَالَتْ: هَذِهِ أَهْدَاهَا إِلَيَّ أَبُو حُسَيْنٍ فَدَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَالسِّلْسِلَةُ فِي يَدَيْهَا، فَقَالَ: يَا فَاطِمَةُ «أَيَعْرُكَ أَنْ يَقُولَ النَّاسُ ابْنَةُ رَسُولِ اللَّهِ، وَفِي يَدَيْهَا سِلْسِلَةٌ مِنْ نَارٍ؟، ثُمَّ حَرَجَ وَلَمْ يَفْعُدْ، فَأَرْسَلَتْ فَاطِمَةُ بِالسِّلْسِلَةِ إِلَى السُّوقِ فَبَاعَتْهَا، وَاشْتَرَتْ بِتَمَنِهَا غَلَامًا» وَقَالَ مَرَّةً أُخْرَى: عَبْدًا وَذَكَرَ كَلِمَةً مَعْنَاهَا فَأَعْتَقْتُهُ، فَحَدَّثَ بِذَلِكَ وَقَالَ: «الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي نَجَّى فَاطِمَةَ مِنَ النَّارِ»

Maksudnya: Thauban menceritakan bahawa Hindun binti Hubairah pernah datang kepada Nabi SAW sementara di tangannya terdapat cincin yang besar. Rasulullah SAW pun memukul tangannya. Hindun pun menemui Fatimah dan mengadu padanya. Thauban berkata: Kemudian, masuklah Nabi SAW menemui Fatimah sementara aku bersamanya. Fatimah melepaskan kalung emas yang berada di lehernya. Lalu, Fatimah berkata: Kalung emas ini adalah pemberian (hadiah) Abu Hasan kepadaku. Nabi SAW berkata: Fatimah, apakah engkau suka jika orang-orang berkata bahawa puteri Rasulullah SAW memakai kalung dari api neraka? Rasulullah pun keluar dan tidak duduk. Fatimah mengutus seseorang untuk menjual kalung itu, kemudian dengan wang hasil penjualan itu, ia membeli seorang hamba lelaki dan memerdekakannya. Hal tersebut diceritakan kepada Rasulullah SAW, dan baginda berkata: Alhamdulillah (segala puji bagi Allah) yang telah menyelamatkan Fatimah daripada api neraka (Hadis riwayat an-Nasa'i, no. 5140, hadisnya Sahih menurut al-Albani).

Tindakan Rasulullah yang terus berlalu pergi dan keluar dari rumah Fatimah dan tidak duduk menunjukkan baginda SAW mengingkari atau tidak gemar dengan perbuatan Fatimah (al-Ityubi, 2003). Bersikap tegas juga merupakan salah satu pendekatan mendidik yang efektif. Perbuatan atau perilaku yang disusuli selepas komunikasi secara lisan lebih memberi impak kepada penerima laku. Hasil daripada perbuatan Rasulullah SAW tersebut, dapat dilihat bahawa puterinya mengambil tindakan segera dengan menjualkan kalung tersebut bagi mencari redha ayahnya.

Begitu juga perilaku nabi SAW yang enggan memasuki rumah Fatimah ketika melihat perhiasan langsirnya sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar, beliau berkata:

أتى النبي ﷺ بيت فاطمة، فلم يدخل عليها، وجاء علي، فذكرت له ذلك، فذكره للنبي ﷺ، قال: «إني رأيت علي باجها سترا موشيا»، فقال: «ما لي وللدنيا» فأتاها علي، فذكر ذلك لها، فقالت: ليأمرني فيه بما شاء، قال: «ترسل به إلى فلان، أهل بيت بهم حاجة».

Maksudnya: Nabi SAW datang ke rumah Fatimah, namun baginda tidak mahu masuk ke dalam rumah puterinya ini. Lalu, datanglah Ali, maka Fatimah pun menceritakan hal ini kepada suaminya. Ali pun menemui Nabi SAW untuk bertanya sebabnya. Rasulullah SAW menjelaskan, “Aku melihat di atas pintu rumah Fatimah ada tirai bercorak dengan pelbagai warna.” Baginda SAW kemudian berkata lagi, “Apalah ertinya dunia bagiku”. Ali kemudian menemui Fatimah lalu menyampaikannya, maka Fatimah berkata, “Hendaknya beliau memerintahkan kepadaku apa yang beliau kehendaki!” Rasulullah SAW bersabda, “Berikanlah kepada fulan, keluarganya ada yang memerlukan” (Hadis riwayat al-Bukhari, no. 2613).

Dalam hadis ini, baginda SAW ingin mengajar ahli keluarga baginda khususnya Fatimah untuk bersikap sederhana dan zuhud serta tidak mementingkan kemewahan dunia. Menurut Ibnu Hajar (2010), perilaku baginda yang tidak mahu masuk ke rumah Fatimah adalah kerana di dalamnya terdapat perkara yang baginda SAW tidak disukai. Menurut Badruddin al-Aini (2010), Nabi SAW tidak suka Fatimah mengenakan perhiasan sutera kerana beliau termasuk dalam kalangan orang yang mementingkan akhirat. Baginda tidak redha sekiranya puterinya mendahului kesenangan dalam kehidupan dunia. Dan larangan tersebut hanyalah dari segi berlebih-lebihan. Berdasarkan kisah ini dapat difahami, Rasulullah berusaha mendidik Fatimah untuk bersikap sederhana dan tidak berlebih-lebihan dalam urusan dunia. Meskipun sebagai seorang pemerintah, Rasulullah sebenarnya mampu untuk memberikan kemewahan kepada puterinya, namun begitu, baginda SAW lebih mementingkan kehidupan yang sederhana. Tambahan pula, baginda juga sangat mementingkan pembentukan keperibadian yang baik, serta pendidikan keimanan dan ketakwaan kepada Fatimah.

### c) Sentiasa berpesan dan mengingatkan tentang Agama

Salah satu peranan utama ibu bapa dalam Islam adalah mendidik anak-anak mereka tentang agama. Ibu bapa harus memastikan bahawa komunikasi mereka dengan anak perempuan juga mencakupi pembelajaran nilai-nilai Islam seperti aqidah, ibadah dan nilai-nilai moral. Didikan ini sangat penting bagi membina keluarga yang mawaddah dan sakinah. Keluarga yang baik akan melahirkan masyarakat

yang baik dan berakhlak mulia. Oleh itu, dalam melakukan kebaikan, ahli keluarga kelompok paling utama perlu diberi perhatian. Hal ini selari dengan apa yang terakam dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan (Al-Tahrim: 66: 6).

Ayat ini mengingatkan orang-orang yang beriman untuk menjaga diri dan keluarga mereka dari azab neraka. Ibu bapa mempunyai tanggung jawab untuk melindungi anak-anak mereka dari bahaya khususnya perkara maksiat yang boleh menjerumuskan mereka ke dalam api neraka, serta memberikan pendidikan yang baik khususnya pendidikan agama di samping menyuruh mereka mentaati perintah Allah serta menjauhi segala kemungkaran. Ayat tersebut juga menjelaskan ibu bapa perlu menitikberatkan hal berkaitan asuhan, bimbingan serta pendidikan yang terbaik untuk anak-anak. Tentunya dalam hal ini, pendidikan agama serta penerapan akidah perlu dilaksanakan dengan sempurna. Iman dan hidayah bukan seperti meninggalkan harta pusaka berbentuk fizikal, tetapi iman adalah kefahaman dan keyakinan dalam hati seseorang anak. Justeru, setiap ibu bapa perlu bertanya kepada diri, adakah mereka sudah membimbing serta mendidik anak-anak dengan akidah sebagai seorang Muslim yang taat kepada agamanya?

Al-Quran sangat memberi penekanan dalam aspek pendidikan akidah. Ini jelas sebagaimana firman Allah:

﴿وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ...﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Lukman berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan (Allah) sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar” (Luqman: 13).

Ayat tersebut menjelaskan tanggungjawab ibu bapa dalam menyemai jiwa anak perempuan dengan perasaan takut kepada Allah dan ancaman azab-Nya. Namun begitu, Islam tidak menganjurkan ibu bapa untuk menggunakan pendekatan ketakutan melalui kekerasan atau kegarangan yang melampau dalam mendidik anak-anak- mereka. Sebaliknya Islam menekankan ibu bapa menyemai rasa takwa kepada Allah dengan cara yang lembut, penuh kasih sayang dan pemahaman yang jelas. Dalam hal ini juga, kita boleh melihat penekanan yang diberi Rasulullah kepada anakanda Baginda supaya memiliki kekuatan rasa takut kepada Allah sebagaimana Sabda Rasulullah SAW:

«... يَا فَاطِمَةُ بِنْتُ مُحَمَّدٍ سَلِّبِي مَا شِئْتِ مِنْ مَالِي لَا أُغْنِي عَنْكَ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا»

Maksudnya: “Wahai Fatimah, mintalah daripadaku apa sahaja yang kamu inginkan daripada hartaku. Namun aku tidak berupaya menolak seksaan Allah terhadapmu.” (Hadis riwayat al-Bukhari, no. 2753).

Selain itu, Islam juga menganjurkan agar ibu bapa berpesan-pesan dan sering mengingatkan anak perempuan dalam perkara ibadah. Hal ini dapat dilihat menerusi komunikasi non-verbal Rasulullah SAW yang berlaku terhadap Fatimah dan suaminya Ali bin Abi Talib RA. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ali RA:

قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ طَرَفَهُ وَقَاطِمَةً -عَلَيْهَا السَّلَامُ- بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، فَقَالَ لَهُمْ: «أَلَا تُصَلُّونَ؟»، فَقَالَ عَلِيٌّ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّمَا أَنْفُسَنَا بِيَدِ اللَّهِ، فَإِذَا شَاءَ أَنْ يَبْعَثَنَا بَعَثَنَا، فَأَنْصَرَفَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ حِينَ قَالَ لَهُ ذَلِكَ، وَمَ يَرْجِعُ إِلَيْهِ شَيْئًا، ثُمَّ سَمِعَهُ وَهُوَ مُدْبِرٌ، يَضْرِبُ فِخْدَهُ وَهُوَ يَقُولُ: ﴿وَكَانَ الْإِنْسَانُ أَكْثَرَ شَيْءٍ جَدَلًا﴾ [الكهف: ٥٤]، قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ: "يُقَالُ: مَا أَتَاكَ لَيْلًا فَهُوَ طَارِقٌ"، وَيُقَالُ ﴿الطَّارِقُ﴾ [الطارق: ٢]: «النَّجْمُ»، وَ ﴿التَّاقِبُ﴾ [الطارق: ٣]: «المُضِيءُ»، يُقَالُ: «أَثَقَبَ نَارَكَ لِلْمُوقِدِ»

Maksudnya: Dia berkata, bahawasanya Rasulullah SAW mengetuk pintu rumahnya dan Fatimah pada suatu malam. Lalu baginda berkata kepada mereka, “Tidakkah kalian mengerjakan solat malam?” Ali berkata, “Aku menjawab, Ya Rasulullah, sesungguhnya jiwa kami di tangan Allah. Sekiranya Dia berkehendak membangunkan kami, pasti kami bangun.” Maka Rasulullah SAW berpaling pergi ketika kami mengatakan seperti itu dan beliau tidak berkata sepatah katapun, Kemudian aku mendengar ketika baginda pergi sambil memukul pahanya dan membacakan ayat, “Tetapi manusia adalah memang yang paling banyak membantah.” (QS. Al-Kahfi: 54). Abu Abdillah berkata, “Ada yang menyebutkannya, “Yang mendatangimu di malam hari itulah yang disebut thaariq.” Ada yang mengatakan, “Thaariq adalah bintang, sedangkan tsaaiqib iaitu yang mengeluarkan cahaya.” Dikatakan, Nyalakan api untuk tungku api” (Hadis riwayat al-Bukhari, no. 7347).

Berdasarkan hadis tersebut dapat dilihat bahawa Rasulullah SAW sangat mengambil berat tentang keluarganya khususnya perkara berkaitan ibadah. Baginda membangunkan mereka di malam hari, meninjau dan melihat apa yang sedang mereka lakukan. Pertanyaan beliau, “Tidakkah kalian mengerjakan solat?” adalah merupakan sindiran halus. Dalam hal ini sindiran merupakan metode dan tips yang halus untuk memotivasi. Al-Kirmani mengatakan bahawa Nabi SAW memotivasi mereka untuk mengerjakan solat malam kerana mereka dianggap mampu untuk melakukannya. Sedangkan Ali membantah ajakan baginda itu dengan alasan qadha dan qadar (al-Utsaimin, 2010). Dalam hadis tersebut telah dinyatakan tentang tindakan Rasulullah yang berlalu pergi sambil memukul pahanya. Menurut Ibn Hajar (2010), perilaku tersebut menggambarkan perasaan kesal. Ini kerana, Ali tidak melakukan perkara yang lebih utama, sekiranya Ali melaksanakan perintah Nabi lalu berdiri solat, maka sudah tentu itu yang lebih baik. Menurut al-Kirmani, Nabi menepuk pahanya berkemungkinan kerana terkejut dengan cepatnya jawapan Ali, dan boleh jadi kerana menerima apa yang Ali katakan (al-Utsaimin, 2010). Berdasarkan riwayat tersebut, jelas menunjukkan kasih sayang Rasulullah SAW terhadap Fatimah dan Ali dengan mengingatkan agar mereka tidak lalai untuk berqiyamullail. Hal ini kerana, kelalaian merupakan salah satu tabiat manusia. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab seorang muslim untuk mengingatkan orang yang disayanginya khususnya dalam kalangan keluarga dan sahabat agar tidak lalai dari ajaran Islam.

## PENUTUP

Al-Quran dan riwayat hadis telah memaparkan beberapa contoh bentuk komunikasi yang boleh digunakan ibu bapa terhadap anak-anak. Dalam mendidik mereka, bentuk komunikasi yang digunakan ibu bapa tidak hanya terhad pada verbal semata-mata. Bahkan sesuatu perilaku, ekspresi wajah, gerak geri tubuh yang dapat ditafsirkan sebagai komunikasi non-verbal memberi pelbagai makna seperti sedih, benci, resah, gembira dan sebagainya. Komunikasi antara ibu bapa dan anak sangat penting bagi memastikan perhubungan dan proses bimbingan terhadap mereka berjalan lancar. Justeru, komunikasi yang tepat memainkan peranan penting agar mesej yang hendak disampaikan tidak mengelirukan. Dalam aspek komunikasi, al-Quran dan hadis nabi telah menunjukkan beberapa kaedah sebagai panduan ibu bapa ketika berinteraksi bersama anak perempuan antaranya ialah memberi kasih sayang dan perhatian, bersikap tegas dan memberi hukuman secara berhikmah serta senantiasa berpesan dan mengingatkan mereka tentang perkara yang berkaitan agama. Justeru itu, ibu bapa masa kini wajar menerapkan dan mengaplikasikan kaedah komunikasi dan metode didikan yang ditekankan oleh al-Quran dan Rasulullah SAW terhadap anak-anak agar generasi akan datang mempunyai peribadi dan jati diri yang kuat serta akhlak islam yang kukuh dalam diri mereka.



## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abu Dawud, Sulayman b. al-Asy'ath al-Sajistani. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Tahqiq: Shuaib al-Arnaut dan Muhammad Kamil Qurro Bellali. Beirut, Dar al-Risalah al-A'lamiyyah.

Ahmad b. Hanbal, Abu 'Abdillah Ahmad b. Muhammad b. Hanbal al-Syaibani. 1420H/1999. *Musnad Ahmad*. Tahqiq: Syu'aib al-Arna'ut, Beirut: Mu'assasat al-Risalah.

Al-Bukhari, Muhammad b. Ismail b. Ibrahim. 1424H/2004. *Shahih al-Bukhari*. Kaherah, Mesir: Mu'assasat al-Mukhtar.

Al-Ithyubi, Muhammad bin 'Ali. 2003. *Zakhirah al-'Uqba Fi Syarh al-Mujtaba (Syarah Sunan al-Nasai)*. Dar Al Bi Rum an-Nasyar wa at-Tauzi'. J 38, h 210.

Al-Mua'firi, Abdul Malik bin Hisham. 1955. *Al-Sirah al-Nabawiyyah Li Ibni Hisyam*. Mesir: Syarikat Maktabah wa Matbua'h Mustafa al-Bani al-Halabi Wa Auladihi. J 1, h 252.

Al-Uthaimin, Muhammad bin Shalih. 2010. *Syarah Shahih al-Bukhari*. Jakarta Timur: Darus Sunnah Press. Penterjemah: Abu Ihsan al-Atsari. J 10, h 474.

Al-Nasa'i, Ahmad bin Syuaib. 1986. *As-Sunan As-Sughra*. Halab: Maktab al-Matbu'ah al-Islamiyyah.

Al-Shaukani, Muhammad bin Ali. 1414H/1994. *Fath al-Qdir*. Damsyik: Dar Ibnu Kathir.

Al-Zahabi, Muhammad bin Ahmad. 2006. *Siyar A'lam al-Nubala*. Kaherah: Dar al-Hadis J 1, h 334. J 2, h 119. J 2, h 247-250. J 3, h 494.

Badruddin al-Aini, Mahmud bin Ahmad. 2010. *Umdatul Qori Syarah Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi. J 13, h 167.

Ibn Hajar, Syihab al-Din Ahmad b. 'Ali b. Hajar al-'Asqalani. 1431H/2010. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Dar al-Ma'rifah. J 3, h 11. J 5, h 229.

Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Tahqiq: Shuaib al-Arnaut, Adil Mursyid, Muhammad Kamil Qurro Bellali dan Abdul Latif Harzallah. Beirut: Dar al-Risalah al-A'lamiyyah.

Ibn Saad, Muhammad bin Saad. 1990. *Al-Tabaqat al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. J 8, h 16.

Muslim bin al-Hajjaj. 1431H/2010. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.

Santrock, J.W. 2007. *Child development*. 11th Edition, McGraw-Hill, Boston.